

19/08/1997

Pelantikan dua pemimpin Pahang wajar

KUANTAN, Isnin - Pelantikan dua pemimpin Umno Pahang memegang jawatan penting dalam Kerajaan Pusat seperti diumumkan Sabtu lalu, adalah wajar berikutan kedua-duanya mempunyai pengalaman dan kelayakan yang diperlukan.

Menteri Besar, Tan Sri Mohd Khalil Yaakob, berkata pelantikan Datuk Fauzi Abdul Rahman sebagai Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Ahmad Kamaruzaman Mohamed Baria, sebagai Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, sangat membanggakan kerajaan negeri.

Katanya, Umno Pahang juga yakin Fauzi dan Ahmad Kamaruzaman dapat menjalankan tanggungjawab dengan baik dan mampu memberi perkhidmatan terbaik mengikut portfolio masing-masing.

"Kita berterima kasih kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang melantik Fauzi dan Ahmad Kamaruzaman, menjawat jawatan penting dalam kerajaan.

"Mereka memang berkeelayakan dan mempunyai pengalaman, malah kedua-duanya sudah menunjukkan prestasi cemerlang sebelum ini," katanya di sini hari ini.

(END)